



PA Protector Polisi Insurans Kemalangan Diri

QBE INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD mengalu-alukan anda sebagai Pemegang Polisi dan kami ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan agar anda membaca Dokumen yang menggariskan had dan manfaat insurans ini dengan teliti. Sila simpan di tempat yang selamat.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan, sila hubungi Ejen Berdaftar/Broker atau pejabat QBE kami, terutamanya jika insurans ini tidak memenuhi keperluan atau kemahuan anda.

"KAMI MENINGATKAN ANDA BAHAWA ANDA MESTI MENDEDAHKAN KEPADA KAMI, SEPENUHNYA DAN SECARA JUJUR, FAKTA YANG ANDA TAHU ATAU HARUS TAHU, JIKA TIDAK, ANDA MUNGKIN TIDAK MENERIMA APA-APA FAEDAH DARIPADA POLISI ANDA."

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi QBE Insurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PERLINDUNGAN

- A. Perkara berikut akan terpakai sekiranya Insurans adalah untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda:

Kontrak Insurans Pengguna

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat dan berdasarkan jawapan yang diberikan di dalam Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan mana-mana pendedahan yang telah Anda buat di antara waktu penyerahan Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan pada masa perjanjian ini diikat. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang diperuntukkan di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan digunakan.

Polisi ini menggunakan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara Anda dan Kami.

- B. Perkara berikut akan terpakai sekiranya Insurans adalah untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda:

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat dan berdasarkan jawapan yang diberikan di dalam Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan mana-mana pendedahan yang telah Anda buat di antara waktu penyerahan Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan pada masa perjanjian ini diikat. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, serta perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Polisi ini menggunakan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara Anda dan Kami.

MAKA POLISI INSURANS INI MEMPERAKUI bahawa jika dalam Tempoh Insurans, Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan yang disebabkan oleh Kemalangan semata-mata, diakibatkan secara langsung dan bebas daripada apa-apa sebab lain lalu menyebabkan kematian Orang Yang Diinsuranskan atau hilang upaya sepertimana yang ditakrifkan kemudian ini, Syarikat akan, tertakluk kepada terma, proviso, pengecualian dan syarat-syarat di dalam dan diendoskan oleh Polisi ini (di mana terma, proviso, pengecualian dan syarat serta perihalnya masing-masing dianggap sebagai syarat terdahulu kepada hak untuk membuat tuntutan di bawah Polisi ini) membayar jumlah wang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat dan berdasarkan Skala Manfaat kepada Orang Yang Diinsuranskan atau kepada wakil diri sah Orang Yang Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian, dengan syarat liabiliti Syarikat tidak boleh melebihi Jumlah Prinsipal Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

A. DEFINISI

Di dalam Polisi ini

1. **"Kemalangan atau Akibat Daripada Kemalangan"** bermaksud kejadian ganas yang berlaku secara kebetulan, tiba-tiba, tidak diduga dan tidak disengajakan, yang disebabkan secara langsung dan bebas daripada tindakan nyata penyebab luar yang berlaku pada masa dan tempat yang dapat dikenal pasti semasa dalam Tempoh Insurans.
2. **"Tindakan Keganasan"** bermaksud tindakan atau ancamannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan terhadap mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan yang dari sifat konteksnya dilakukan untuk, atau berkaitan dengan sebab-sebab politik, agama, ideologi, etnik atau yang serupa dengannya, termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menimbulkan ketakutan kepada orang awam atau sebahagian daripada orang awam.

Sekiranya mana-mana bahagian perlindungan ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, perlindungan selebihnya hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya.

3. **"Kanak-kanak"** bermaksud anak kandung atau anak angkat/anak tiri Orang Yang Diinsuranskan yang sah dari sisi undang-undang yang telah mencapai usia minimum tiga puluh (30) hari dan tidak berkahwin, yang bergantung kepada Orang Yang Diinsuranskan dari segi kewangan sehingga usia enam belas (16) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun bagi mereka yang berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di Institusi Pendidikan.
4. **"Syarikat"** bermaksud QBE Insurance (Malaysia) Berhad (161086-D).
5. **"Kematian"** bermaksud kematian yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung berpunca daripada Kemalangan.
6. **"Hilang Upaya"** bermaksud keadaan fizikal atau mental yang menghadkan pergerakan, deria atau aktiviti Orang Yang Diinsuranskan yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kemalangan.
7. **"Institusi Pendidikan"** bermaksud mana-mana sekolah, institut vokasional, politeknik, kolej, universiti atau institusi pengajian tinggi yang dikendalikan oleh kerajaan atau dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan oleh guru-guru terlatih dan berkelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
8. **"Kelayakan"** merujuk kepada umur kemasukan bagi Orang Yang Diinsuranskan yang layak menerima perlindungan di bawah Polisi ini. Kecuali untuk Kanak-kanak/ Kanak-kanak seperti yang ditakrifkan sebelum ini, Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur dari enam belas (16) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun dan boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh lima (75) tahun. Umur Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengikut tarikh lahir terakhir beliau.
9. **"Rampasan"** merujuk kepada rampasan dan kawalan haram Pengangkutan Awam dari krew biasa dengan menggunakan atau penggunaan kekerasan.
10. **"Rumah"** bermaksud tempat tinggal biasa Orang Yang Diinsuranskan di Malaysia.
11. **"Hospital"** bermaksud sesuatu pertubuhan, hospital/pusat perubatan kerajaan atau berlesen yang ditubuhkan dan berdaftar dengan sewajarnya dan beroperasi menurut undang-undang bagi jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera, dan yang
 - a. telah mengatur kemudahan untuk diagnosis, rawatan dan pembedahan utama;
 - b. menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar;
 - c. adalah di bawah pengawasan doktor; dan
 - d. bukan terutamanya sebuah klinik, tempat penjagaan, rumah penagih alkohol atau dadah, rumah penjagaan, rumah rehat atau pemulihan atau rumah orang-orang tua atau yang serupa dengannya.
12. **"Orang Yang Diinsuranskan"** bermaksud orang yang dinamakan atau diterangkan di dalam Jadual dan/ atau Polisi dan mestilah berwarganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemilik permit kerja, pemilik pas atau bekerja secara sah di Malaysia dan/atau suami/isteri dan Kanak-kanak yang tinggal secara sah di Malaysia.
13. **"Kecederaan"** bermaksud kecederaan anggota yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan dan bukan oleh sebarang Penyakit, Pandemik, masalah perubatan atau kesusutan fizikal atau mental secara beransur-ansur dengan syarat Kecederaan mesti berlaku dalam Tempoh insurans.
14. **"Kehilangan atau Kehilangan Fungsi"** bermaksud kehilangan fungsi anggota secara menyeluruh dan kekal dari segi ketidakdayaan atau ketidakupayaan fizikal dalam semua aspek kehidupan seharian dan bukan hanya dari segi ketidakdayaan atau ketidakupayaan profesional atau pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan.
15. **"Pengamal Perubatan"** bermaksud mana-mana orang yang diberi kuasa dari segi undang-undang oleh kerajaan yang mempunyai bidang kuasa di kawasan geografi amalan beliau untuk memberikan perkhidmatan perubatan atau pembedahan, tetapi tidak termasuk Pengamal Perubatan yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan sendiri, atau pasangan atau saudara Orang Yang Diinsuranskan atau rakan kongsi perniagaan atau majikan Orang Yang Diinsuranskan.
16. **"Pandemik"** adalah wabak penyakit yang berlaku ke atas kawasan geografi yang luas dan memberi kesan kepada kadar penduduk yang amattinggi.

17. **“Hilang Upaya Kekal”** bermaksud Hilang Upaya yang dijelaskan di bawah Perkara 1.2 dalam Bahagian 1 - Manfaat Kemalangan Diri di bawah Jadual Manfaat Polisi ini.
18. **“Tempoh Insurans”** bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk tempoh Orang Yang Diinsuranskan diinsuranskan, tertakluk kepada terma dan syarat dan pengecualian yang digariskan di dalam polisi dan apa-apa tempoh berikutnya (Pembaharuan Automatik) di mana Pemegang Polisi membuat pembayaran dan Syarikat menerima Premium Pembaharuan.
19. **“Barangan Peribadi”** bermaksud benda atau barang yang dibawa atau dipakai oleh Orang Yang Diinsuranskan.
20. **“Keadaan Sedia Ada”** bermaksud Hilang Upaya yang wujud sebelum permulaan Tempoh Insurans yang diketahui sewajarnya oleh Pemegang Polisi dan/atau Orang Yang Diinsuranskan. Pemegang Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan dianggap mengetahui sewajarnya tentang sesuatu keadaan sedia ada di mana keadaannya adalah: -
 - (a) Pemegang Polisi dan/atau Orang Yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
 - (b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan oleh Pengamal Perubatan;
 - (c) gejala yang nyata dan ketara dapat atau telah dilihat dengan jelas; atau
 - (d) kewujudannya dapat dilihat secara munasabah oleh orang di dalam keadaan itu.
21. **“Pemegang Polisi”** bermaksud individu atau badan korporat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di mana Polisi ini telah dikeluarkan kepadanya untuk perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan.
22. **“Jumlah Prinsipal Diinsuranskan”** bermaksud jumlah yang diinsuranskan bagi Kematian/Hilang Upaya Kekal yang berbeza-beza berdasarkan jenis pelan yang dibeli oleh Orang Yang Diinsuranskan. Ia tidak termasuk Bonus Pembaharuan dan Ganti Rugi Berganda seperti yang dinyatakan di bawah Perkara 2.2 dan 2.17 dalam Bahagian 2 - Manfaat Diperluas Polisi ini.
23. **“Penyakit”** bermaksud sebarang kemerosotan kesihatan atau keadaan fizikal secara tiba-tiba dan tidak dijangka yang ditunjukkan melalui perbezaan patologi berbanding keadaan kesihatan normal, yang diperakui oleh mana-mana Pengamal Perubatan dalam Tempoh Insurans.
24. **“Hilang Upaya Separa Sementara”** bermaksud kecacatan yang menghalang Orang Yang Diinsuranskan daripada menjalankan sebahagian besar daripada pekerjaan biasa, profesion atau perniagaan beliau.
25. **“Hilang Upaya Menyeluruh Sementara”** bermaksud kecacatan yang menghalang Orang Yang Diinsuranskan sepenuhnya daripada terlibat dalam pekerjaan biasa, profesion atau perniagaan beliau.
26. **“Manfaat”** bermaksud jumlah wang yang dinyatakan di bawah Jadual Manfaat untuk Manfaat yang berkaitan dengan syarat bahawa tiada pampasan yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat akan dibayar di bawah Manfaat Perkara 1.1 atau 1.2 melainkan jika Kematian atau Hilang Upaya Kekal berlaku dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh Kemalangan.
27. **“Jumlah Yang Diinsuranskan”** Jumlah Prinsipal Diinsuranskan campur Bonus Pembaharuan (jika ada).

B. MANFAAT

1. MANFAAT KEMALANGAN DIRI

Sebarang Kecederaan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan yang disebabkan oleh Kemalangan semata-mata, diakibatkan secara langsung dan bebas daripada apa-apa sebab lain yang berlaku dalam Tempoh Insurans yang menyebabkan:

1.1 Kematian (yang berlaku dalam masa - dua belas (12) bulan kalendar selepas kemalangan)

Wang Prinsipal Diinsuranskan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat yang dilampirkan bersama ini akan dibayar oleh Syarikat.

1.2 Hilang Upaya Kekal (yang berlaku - dalam masa dua belas bulan dilampirkan kalendar selepas kemalangan)

Peraturan Jumlah Prinsipal Diinsuranskan berikut seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat yang bersama ini akan dibayar oleh Syarikat.

Hilang Upaya	% dari Jumlah Prinsipal Diinsuranskan
Kehilangan dua anggota badan	100%
Kehilangan kedua-dua tangan atau semua semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
Kehilangan seluruh penglihatan di sebelah atau kedua-dua mata	100%
Lumpuh sepenuhnya	100%
Tidak siaman sepenuhnya dan tidak boleh disembuhkan	100%
Kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal di katil	100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya menyeluruh kekal	100%
Kehilangan sebelah lengan di antara atau di bahu sehingga pergelangan tangan	100%
Kehilangan sebelah kaki di antara atau di pinggul sehingga buku lali	100%
Kehilangan kedua-dua kaki	100%
Kehilangan sebelah kaki	55%
Kehilangan penglihatan mata kecuali persepsi cahaya	55%
Kehilangan lensa mata	55%
Kehilangan semua jari and ibu jari sebelah tangan	70%
Kehilangan empat jari	60%
Kehilangan ibu jari -	
a) kedua-dua falanks	25%
b) satu falanks	25%
Kehilangan jari telunjuk -	
a) tiga falanks	10%
b) dua falanks	10%
c) satu falanks	10%
Kehilangan jari tengah -	
a) tiga falanks	6%
b) dua falanks	6%
c) satu falanks	6%
Kehilangan jari manis -	
a) tiga falanks	6%
b) dua falanks	6%
c) satu falanks	6%
Kehilangan jari kelingking -	
a) tiga falanks	4%
b) dua falanks	4%
c) satu falanks	4%
Kehilangan metakarpus -	
a) pertama atau kedua (tambahan)	3%
b) ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Kehilangan jari kaki -	
a) semua	5%
b) ibu jari kaki, kedua-dua falanks	5%
c) ibu jari kaki, satu falanks	5%
d) selain ibu jari kaki, sekiranya kehilangan lebih daripada satu jari, setiap satu	3%

Kehilangan pendengaran - a) kedua-dua telinga	75%
b) sebelah telinga	30%
Kehilangan pertuturan	75%

Agregat semua peratusan yang boleh dibayar untuk mana-mana satu Kemalangan bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh melebihi 100% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan. Sekiranya sejumlah 100% telah dibayar dalam satu atau lebih Kemalangan dalam Tempoh Insurans, semua insurans di bawah ini akan berhenti berkuat kuasa serta-merta. Jika semua kerugian lain yang kurang daripada 100% telah dibayar, perlindungan akan dikurangkan sebanyak jumlah tersebut dari tarikh Kemalangan sehingga tamat tempoh Polisi ini.

2. BONUS PEMBAHARUAN

Jika Polisi tersebut diperbaharui tanpa sebarang gangguan terhadap perlindungan untuk tempoh 12 bulan selepas tempoh pertama insurans yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang dilampirkan, maka pada setiap pembaharuan itu sehingga maksimum lima (5) pembaharuan, bonus pembaharuan 20% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan asal pada permulaan polisi ini untuk Manfaat 1.1 dan 1.2 akan ditambah kepada Manfaat 1.1 dan 1.2 masing-masing dengan syarat:

- tiada tuntutan telah dibuat untuk Manfaat 1.1 atau 1.2 di bawah Polisi ini dalam tempoh insurans sebelumnya;
- polisi ini mestilah berterusan dan tidak pernah luput, ditamatkan atau dibatalkan pada bila-bila masa dalam tempoh insurans pada sesuatu tahun.
- sebarang bonus pembaharuan terkumpul di bawah Polisi ini akan dibatalkan sekiranya tuntutan dibuat di bawah Manfaat 1.1 atau 1.2 dan pengiraan untuk Bonus Pembaharuan yang berikutnya akan bermula semula dari tarikh pembaharuan Polisi ini yang seterusnya.
- pembayaran Bonus Pembaharuan selain daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan hanya akan terpakai di bawah Manfaat 1.1 dan 1.2.

3. GANTI RUGI BERGANDA

Syarikat akan membayar dua kali ganda Jumlah Prinsipal yang Diinsuranskan jika Orang yang Diinsuranskan menderita akibat perkara di bawah akibat kemalangan:

- Hilang Upaya Kekal akibat kehilangan / kehilangan penggunaan dua anggota badan atau;
- Hilang Upaya Kekal akibat lumpuh keseluruhan dari leher ke bawah atau;
- Kematian akibat kecederaan ketika dalam perjalanan sebagai seorang penumpang yang membayar tambang di dalam sebarang jenis pengangkutan awam atau semasa melancong ke luar negara

Dalam hal ini, maksud perjalanan di luar Negara adalah seperti berikut:

- Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan adalah warganegara Malaysia – Orang Yang Diinsuranskan sedang dalam perjalanan di luar Malaysia. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan turut mempunyai kediaman tetap di Negara lain, maka faedah ini hanya boleh dipakai jika dia sedang dalam perjalanan di luar Malaysia dan di luar negara yang mana dia mempunyai kediaman tetap.
- Jika Orang Yang Diinsuranskan adalah warganegara Malaysia yang bekerja di luar Negara – Orang Yang Diinsuranskan sedang dalam perjalanan di luar Malaysia dan di luar negara di mana ianya bekerja.
- Jika Orang Yang Diinsuranskan bukan warganegara Malaysia – Orang Yang Diinsuranskan sedang dalam perjalanan di luar Malaysia dan di luar Negara asal Orang Yang Diinsuranskan itu.

NOTA: Ganti Rugi berganda boleh digunakan untuk sama ada (a), (b) atau (c) di atas, dan bukan untuk ketiga-tiga di atas.

4. JUMLAH MAKSIMUM YANG BOLEH DIBAYAR

Wang Prinsipal Diinsuranskan termasuklah Bonus Pembaharuan dengan pembayaran Ganti Rugi Berganda tidak akan melebihi RM6,000,000 dalam agregat untuk Manfaat 1.1 dan 1.2.

5. IMPOTEN ATAU KETIDAKSUBURAN KEKAL

Syarikat akan membayar Orang Yang Diinsuranskan sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami Impoten atau Ketidaksuburan akibat Kemalangan, dengan syarat ia disahkan oleh Pengamal Perubatan.

6. TRANSFUSI DARAH

Syarikat akan membayar Orang Yang Diinsuranskan jumlah yang ditentukan dalam Jadual Manfaat jika Orang Yang Diinsuranskan dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) akibat Transfusi Darah semasa Orang Yang Diinsuranskan menjalani perubatan untuk Kecederaan atau penyakit di Hospital dalam Malaysia.

Pampasan di bawah Transfusi Darah hendaklah hanya dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan didiagnoskan dengan HIV dalam masa dua (2) tahun dari tarikh transfusi darah.

7. PERBELANJAAN PERUBATAN

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan yang disebabkan oleh Kemalangan semata-mata, secara langsung dan bebas daripada apa-apa sebab lain atau telah dijangkiti Denggi, Malaria atau Ensefalitis Jepun, Virus Zika dan Chikungunya yang mengakibatkan Orang Yang Diinsuranskan memerlukan bantuan perubatan, Syarikat akan membayar balik Perbelanjaan Perubatan yang ditanggung kepada Orang Yang Diinsuranskan sehingga jumlah yang dinyatakan di bawah pelan yang dipilih seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

Perbelanjaan Perubatan selain perbelanjaan yang ditanggung untuk Hospital (termasuk Bilik dan Makan), rawatan klinikal, perubatan dan pembedahan, juga akan termasuk perbelanjaan yang ditanggung untuk perkhidmatan rawatan yang diberikan oleh Kiropraktor atau 'Bonesetter', Sinseh Cina atau apa-apa bentuk perkhidmatan profesional yang diberikan dalam bentuk rawatan tradisional termasuklah perubatan untuk Kecederaan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan disebabkan Kemalangan, tertakluk kepada sub-had RM500 setiap kemalangan.

Pampasan di bawah Perbelanjaan Perubatan hendaklah dibayar hanya jika perubatan atau pembedahan atau rawatan tradisional diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan oleh seorang Pengamal berlesen yang sah dari segi undang-undang dalam tempoh dua (2) tahun selepas tarikh Kemalangan, dengan syarat perbelanjaan pertama ditanggung dalam tempoh dua puluh enam (26) minggu selepas tarikh Kemalangan.

8. YURAN AMBULANS

Syarikat akan membayar balik caj yang dikenakan sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perkhidmatan ambulans yang diperlukan akibat daripada Kecederaan.

9. PERBELANJAAN PERKABUNGAN

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kematian yang disebabkan secara langsung oleh Denggi, Malaria atau Ensefalitis Jepun, Virus Zika dan Chikungunya, Syarikat akan membayar jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat kepada wakil diri sah Orang Yang Diinsuranskan sebagai Elaun Perkabungan setelah menerima dokumen yang diperlukan yang mengesahkan kejadian itu.

10. PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Syarikat akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat kepada waris atau wakil diri sah Orang Yang Diinsuranskan untuk perbelanjaan pengebumian sekiranya berlaku Kematian yang timbul daripada Kecederaan yang disebabkan oleh Kemalangan.

11. PEMBEDAHAN KOSMETIK & PEMBETULAN PERGIGIAN

Selain daripada Perbelanjaan Perubatan, Syarikat akan membayar balik sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi apa-apa perbelanjaan yang ditanggung untuk pembedahan pembetulan pergigian dan/atau pembedahan pembetulan yang diakibatkan oleh Kecederaan, dengan syarat pembedahan pembetulan pergigian atau kosmetik dilakukan oleh pakar ortodontik atau pakar bedah kosmetik berlesen.

12. MANFAAT PENCULIKAN

Syarikat akan membayar RM5,000.00 sekali gus untuk perbelanjaan yang diperlukan dan ditanggung oleh keluarga Orang Yang Diinsuranskan untuk mendapatkan semula Orang Yang Diinsuranskan dan juga menawarkan ganjaran sebanyak RM25,000.00 untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan hidup pada masa penemuan. Pembayaran manfaat ini hanya tertakluk kepada verifikasi dan pengesahan oleh pihak polis bahawa wang tebusan telah dituntut oleh penculik bagi pemulangan Orang Yang Diinsuranskan. Sekiranya tiada permintaan wang tebusan dibuat, Syarikat mempunyai budi bicara mutlak untuk membuat apa-apa bayaran di bawah manfaat ini atau tidak. Wang Prinsipal Diinsuranskan akan dibayar sepenuhnya jika Orang Yang Diinsuranskan yang diculik tidak ditemui selepas tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penculikan itu.

Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran telah dibuat Orang Yang Diinsuranskan didapati masih hidup, apa-apa jumlah wang yang dibayar dalam penyelesaian tuntutan itu akan dikembalikan kepada Syarikat.

13. KEGUGURAN AKIBAT KEMALANGAN KENDERAAN BERMOTOR

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami keguguran akibat Kemalangan kenderaan bermotor, sama ada sebagai pejalan kaki, penumpang, pembonceng atau pemandu/penunggang, Syarikat akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat kepada Orang Yang Diinsuranskan.

14. PROSTESIS / KERUSI RODA

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Kekal akibat Kecederaan, Syarikat akan membayar sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk kos sebenar pembelian kerusi roda, tangan atau kaki palsu dan/atau tongkat seperti yang disyorkan oleh pakar atau pakar bedah yang merawat beliau.

15. PERBELANJAAN SENDIRI

Syarikat akan membayar balik sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk kos yang ditanggung semasa Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat kemalangan untuk tempoh melebihi 14 hari berturut-turut.

16. PERBELANJAAN PENGHANTARAN PULANG

Syarikat akan membayar balik jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat kepada waris atau wakil diri sah Orang Yang Diinsuranskan untuk perbelanjaan penghantaran pulang yang ditanggung untuk menghantar jenazah Orang Yang Diinsuranskan ke Negara Kediaman Orang Yang Diinsuranskan sekiranya kematian Orang Yang Diinsuranskan diakibatkan oleh Kecederaan semasa dalam perjalanan di luar Negara Kediaman beliau.

17. KECURIAN RAGUT

Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada Barangan Peribadi Orang Yang Diinsuranskan akibat ragut, Syarikat akan membayar pampasan sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada pengemukaan laporan polis. Laporan polis hendaklah dibuat dalam tempoh dua puluh (24) jam selepas kejadian.

18. LIABILITI PERIBADI

Syarikat akan mengganti rugi Orang Yang Diinsuranskan sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat jika Orang Yang Diinsuranskan dikehendaki dari segi undang-undang untuk membayar Kecederaan anggota badan akibat kemalangan atau kerosakan harta kepada pihak ketiga. Had wilayah manfaat ini adalah di seluruh dunia manakala bidang kuasa adalah di dalam Malaysia sahaja.

19. KEGANASAN

Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam Polisi ini atau apa-apa pengendorsan untuknya, adalah dipersetujui bahawa Polisi ini juga diperluaskan untuk perlindungan bagi Tindakan Keganasan selain daripada sebarang jenis kerugian, kerosakan, Kematian, Kecederaan, penyakit, kos atau perbelanjaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, disumbangkan oleh, akibat daripada atau berhubung dengan mana-mana Akta Keganasan yang melibatkan penggunaan atau pelepasan atau ancaman sebarang senjata atau peranti nuklear atau agen kimia atau biologi, tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian lain yang menyumbang kepada kerugian secara serentak atau dalam mana-mana urutan lain.

Perlindungan ini juga mengecualikan kerugian, kerosakan, Kematian, Kecederaan, penyakit, kos atau perbelanjaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membanteras atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan mana-mana Akta Keganasan yang melibatkan penggunaan atau pelepasan atau ancaman mana-mana senjata atau peranti nuklear atau agen kimia atau biologi.

Beban Pembuktian:

Jika Syarikat mendakwa bahawa disebabkan pengendorsan ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh polisi ini, beban membuktikan sebaliknya akan menjadi tanggungjawab Orang Yang Diinsuranskan.

20. MANFAAT MINGGUAN PILIHAN

20.1 Hilang Upaya Menyeluruh Sementara

Sekiranya berlaku Kemalangan yang secara langsung mengakibatkan Hilang Upaya Sementara Orang Yang Diinsuranskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kemalangan, Syarikat hendaklah membayar faedah mingguan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah sehingga maksimum 52 minggu setiap mana-mana satu Kemalangan, berkuat kuasa dari tarikh pengesahan hilang upaya sementara oleh Pengamal Perubatan.

20.2 Hilang Upaya Separa Sementara

Sekiranya berlaku Kemalangan yang secara langsung mengakibatkan Hilang Upaya Sementara Orang Yang Diinsuranskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kemalangan, Syarikat hendaklah membayar faedah mingguan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sehingga maksimum 52 minggu setiap mana-mana satu Kemalangan, berkuat kuasa dari tarikh pengesahan hilang upaya sementara oleh Pengamal Perubatan.

Syarikat tidak akan membayar manfaat mingguan:

- i. untuk sebarang tempoh Hilang Upaya Keseluruhan/Separa Sementara apabila Hilang Upaya Kekal perlu dibayar di bawah Kemalangan yang sama.
- ii. melebihi 52 minggu dari tarikh Kemalangan.
- iii. untuk sebarang tempoh kurang daripada seminggu.
- iv. jika Orang Yang Diinsuranskan menganggur, bersara atau suri rumah,
- v. jika Orang Yang Diinsuranskan ialah Kanak-kanak.

C. MANFAAT DIPERLUAS

1. Sukan Amatur

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan anggota yang dialami semasa Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam sebarang aktiviti sukan (selain daripada sukan meneroka gua, payung terjun, meluncur tangan, mendaki gunung yang memerlukan tali atau panduan sebagai ditakrifkan di sini) sebagai seorang amatur untuk tujuan sosial dan keseronokan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

2. Koma

Jika Orang Yang Diinsuranskan telah berada dalam keadaan koma selama sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan berturut-turut disebabkan oleh Kemalangan setelah disahkan oleh Pengamal Perubatan, Syarikat akan membayar 100% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan. Walau bagaimanapun, Syarikat mempunyai hak untuk mendapatkan semula pembayaran yang dibuat jika Orang Yang Diinsuranskan sedar semula dengan syarat potongan dibuat daripada 10% daripada bayaran yang disebut di atas bagi setiap tahun Orang Yang Diinsuranskan berada dalam keadaan koma.

3. Kehilangan

Jika mayat Orang Yang Diinsuranskan tidak dijumpai selepas tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kehilangan yang dilaporkan dan setelah Syarikat memeriksa semua bukti yang ada dan tidak mempunyai sebab untuk menganggap bahawa sesuatu selain daripada itu Kemalangan telah berlaku yang dalam semua kebarangkalian telah menyebabkan kematian Orang Yang Diinsuranskan, kehilangan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dianggap menjadi tuntutan di bawah Polisi ini dan Jumlah Prinsipal Diinsuranskan sebanyak 100% akan dibayar. Walau bagaimanapun, jika Orang Yang Diinsuranskan didapati masih hidup pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat, apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh Syarikat dalam penyelesaian tuntutan itu hendaklah dibayar balik sepenuhnya kepada Syarikat.

4. Lemas

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan anggota akibat lemas.

5. Pendedahan

Tertakluk kepada pemeriksaan oleh Syarikat yang membuktikan bahawa Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat pendedahan kepada unsur-unsur semula jadi akibat kemalangan, kematian Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai dilindungi di bawah Polisi dan Jumlah Prinsipal Diinsuranskan sebanyak 100% akan dibayar oleh Syarikat.

6. Keracunan Makanan dan Minuman

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi kecederaan anggota akibat keracunan makanan atau minuman.

7. Serangga Berbahaya atau Gigitan Ular atau Serangan Haiwan (tidak termasuk penyakit yang timbul daripadanya)

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan anggota yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat daripada serangga berbahaya atau gigitan ular atau serangan haiwan.

8. Rampasan

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat Pengangkutan Awam di mana dia dalam perjalanan adalah tertakluk kepada tindakan Rampasan.

9. Menunggang Motosikal

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan anggota yang dialami oleh Orang Yang

Diinsuranskan semasa menaiki motosikal (sama ada sebagai penunggang atau pembonceng). Orang Yang Diinsuranskan mesti memakai topi keledar keselamatan dan tidak menyertai atau berlatih untuk pertandingan perlumbaan dan mendaki bukit serta denai dan ujian kelajuan atau tempoh.

10. Bencana Alam

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan anggota seperti yang ditakrifkan disebabkan oleh bencana alam termasuk banjir, kebakaran, kilat, ombak pasang surut, taufan, gempa bumi, ribut angin, letusan gunung berapi dan taufan.

11. Rusuhan, Mogok dan Kekecohan Awam

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan anggota atau apa-apa kerugian lain seperti yang ditakrifkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam, dengan syarat tiada penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam sedemikian oleh Orang yang Diinsuranskan atau Pemegang Polisi.

12. Lemas Akibat daripada Asap atau Asap Beracun

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan anggota yang dialami akibat sesak nafas daripada terhidu asap kemalangan atau asap beracun secara tidak sengaja.

13. Pembunuhan Tanpa Provokasi atau Serangan Tanpa Provokasi

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau kecederaan anggota akibat daripada pembunuhan tanpa provokasi atau serangan tanpa provokasi.

D. PENGECUALIAN UMUM

Polisi ini tidak melindungi Kematian atau sebarang Hilang Upaya/Kecederaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berpunca daripada atau berkaitan dengan:

1. Peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak) atau sebarang tindakan daripadanya, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, rampasan kuasa atau pengambilan kuasa secara militari.
2. Pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif, bahan senjata nuklear.
3. Orang Yang Diinsuranskan mencuba atau melibatkan diri atau mengambil bahagian dalam:
 - a. aktiviti sukan profesional;
 - b. perburuan binatang buruan besar;
 - c. sebarang jenis perlumbaan (melainkan perlumbaan lari atau berjalan kaki), 'pace-making', uji pandu pecutan atau ujian kebolehpercayaan;
 - d. seni mempertahankan diri, tinju, polo, sukan salji atau musim sejuk;
 - e. sukan air yang dibantu oleh sebarang peralatan mekanikal atau elektrik atau aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan sebarang alat pernafasan tiruan kecuali di bawah pengawasan jurulatih selama berkecualan atau tidak melebihi kedalaman lima puluh (50) meter;
 - f. perjalanan udara (selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat membawa penumpang berlesen yang diberi kuasa untuk terbang di bawah undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan pesawat udara. Dalam hal ini, "penumpang" adalah tidak termasuk mana-mana anggota anak kapal atau juruteknik yang bekerja di dalam atau atas pesawat atau aktiviti udara lain termasuk tetapi tidak terhad kepada payung terjun, 'hang-gliding', 'bungee jumping');
 - g. mendaki gunung dan mendaki tembok yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal;
 - h. sebarang perbuatan jenayah/menyalahi undang-undang.
4. Hilang akal, kecacatan mental, bunuh diri (sama ada dengan niat melakukan feloni atau tidak), kecederaan terhadap diri sendiri yang disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya.
5. Melahirkan anak, kehamilan atau keguguran atau sebarang komplikasi daripadanya walaupun kejadian sedemikian mungkin telah dipercepatkan atau disebabkan oleh Kemalangan.
6. Denggi, Malaria atau Ensefalitis Jepun, Virus Zika dan Chikungunya, [kecuali bagi Manfaat 7 (Perbelanjaan Perubatan) dan 9 (Perbelanjaan Perkabungan)] dan sebarang bentuk penyakit yang lain.

7. Berada di bawah pengaruh atau mengalami kesan (sementara atau sebaliknya) oleh dadah, tetapi pengecualian ini tidak terpakai bagi ubat yang diambil mengikut nasihat perubatan yang sewajarnya dengan syarat ia bukan untuk rawatan ketagihan dadah.
8. Apa jua bentuk penyakit, jangkitan atau parasit termasuk tetapi tidak terhad kepada hernia, oleh sawan, sebarang jenis penyakit kelamin atau penyakit yang dijangkitkan secara seksual (STD), Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Walau bagaimanapun penyakit yang disebut secara khusus di bawah Manfaat 6 boleh dilindungi di bawah keadaan tertentu seperti yang dinyatakan di dalamnya.
9. Pembunuhan atau serangan yang diprovokasi.
10. Undang-undang Pampasan Pekerja.
11. Hilang Upaya Separa Sementara.
12. Keadaan Sedia Ada.
13. Liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan melalui perjanjian melainkan jika liabiliti tersebut memang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan walau apa pun perjanjian tersebut menyatakan.
14. Liabiliti bagi kecederaan ke atas sesiapa sahaja yang mana ketika dia mengalami kecederaan tersebut dia sedang menjalankan sesuatu tugas perkhidmatan untuk Pihak Diinsuranskan ataupun untuk pampasan yang dituntut daripada Pihak Diinsuranskan oleh seseorang yang tercedera atau tanggungannya di bawah mana-mana undang-undang Pampasan Pekerja.
15. Liabiliti bagi kecederaan ke atas sesiapa sahaja yang terdiri daripada ahli keluarga atau ahli dalam isi rumah Pihak Diinsuranskan.
16. Liabiliti bagi kerosakan ke atas harta benda kepunyaan ataupun yang diletakkan dalam jagaan atau di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja atau ejen Pihak Diinsuranskan.
17. Liabiliti bagi kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berhubung dengan atau timbul daripada:
 - (a) Pemunyaan atau pemilikan atau penggunaan sebarang binatang (selain anjing atau kucing) dan apa-apa jenis pesawat udara, motosikal, kenderaan, kapal atau alat pengangkutan oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan;
 - (b) Pemunyaan atau pemilikan atau penggunaan sebarang tanah atau bangunan oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan;
 - (c) Apa-apa pekerjaan, pemilikan atau perniagaan Pihak Diinsuranskan ataupun sebarang tugas yang dilakukan berhubung dengan atau bagi tujuan pekerjaan, pemilikan atau perniagaan tadi.
18. Liabiliti yang berbangkit secara langsung atau tidak langsung daripada peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau merebut kuasa, pemberontakan oleh tentera atau pihak awam, mogok, atau huru-hara.
19. Tiada pampasan akan dibuat untuk apa-apa jenis penyakit di bawah Manfaat 7 (Perbelanjaan Perubatan) dan 9 (Perbelanjaan Perkabungan) sekiranya ia diisytiharkan sebagai Pandemik oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa negara / kawasan.

E. SYARAT-SYARAT UMUM

1. Penimbangtaraan

Jika timbul pertelingkahan mengenai jumlah sebarang kerugian atau kerosakan, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk secara bebas daripada semua persoalan lain kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak yang bertelingkah, atau, jika mereka tidak mencapai persetujuan tentang seseorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, di mana setiap seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh dua (2) bulan kalendar selepas diminta secara bertulis untuk berbuat demikian oleh pihak yang satu lagi.

Sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal melantik Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan selepas penerimaan notis bertulis yang menghendaki perlantikan, pihak yang satu lagi akan bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal; dan sekiranya tiada persetujuan di antara kedua-dua Penimbang Tara, pertelingkahan tersebut hendaklah dirujuk kepada keputusan Wasit yang hendaklah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum membuat rujukan, dan hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka.

Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan hak atau kuasa Penimbang Tara atau Wasit, dan sekiranya berlaku kematian terhadap Penimbang Tara atau Wasit, seorang lagi yang berkenaan hendaklah dilantik untuk menggantikannya oleh pihak tersebut atau Penimbang Tara (mengikut mana yang berkenaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Wasit yang mati itu.

Kos rujukan dan keputusan itu hendaklah menurut budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat keputusan dan dengan jelas dinyatakan dan diisytiharkan di sini bahawa ianya hendaklah merupakan syarat duluan terhadap apa jua hak tindakan atau guaman ke atas polisi ini bahawa keputusan oleh Penimbang Tara atau Wasit mengenai jumlah kerugian atau kerosakan hendaklah diperolehi terlebih dahulu jika dipertikaikan.

2. Pembatalan

Pemegang Polisi boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Syarikat secara bertulis. Pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh notis itu diterima oleh Syarikat, atau tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, yang mana kemudian. Syarikat boleh membatalkan Polisi ini atau mana-mana bahagian dengan menghantar notis tujuh (7) hari melalui surat penghantaran yang direkodkan atau surat berdaftar ke alamat terakhir Pemegang Polisi yang diketahui. Bukti pos itu akan dianggap sebagai pelaksanaan tanggungjawab untuk memberikan notis pembatalan. Syarikat akan mengembalikan bahagian yang tidak digunakan secara pro-rata daripada premium yang diterima dan pemulangan premium akan bergantung kepada tempoh Polisi telah berkuatkuasa. Pembatalan tersebut tidak akan menjejaskan sebarang tuntutan yang timbul sebelum itu. Bayaran balik premium tidak akan diberikan bagi Tempoh Insurans yang belum tamat sekiranya Polisi dibatalkan oleh salah satu pihak bagi Polisi di mana terdapat tuntutan berdaftar dan/atau dibayar di bawah polisi atau sekiranya pembayaran balik premium adalah kurang daripada RM10.

3. Perubahan Pekerjaan

Pemegang Polisi hendaklah memberi notis bertulis dengan segera kepada Syarikat tentang sebarang perubahan dalam pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan dan hendaklah membayar premium tambahan jika diperlukan.

4. Prosedur Tuntutan

Notis serta-merta hendaklah diberikan kepada Syarikat bagi sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini dalam masa tiga puluh (30) hari dari sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini. Kenyataan terperinci secara bertulis yang menerangkan kejadian itu hendaklah diserahkan kepada Syarikat.

5. Penipuan

Jika sebarang tuntutan di bawah polisi ini, dalam apa cara pun, adalah palsu atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan untuk mendapatkan Manfaat di bawah polisi ini, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk tuntutan itu.

6. Jumlah Prinsipal Maksimum Diinsuranskan

Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh diinsuranskan untuk Jumlah Prinsipal Diinsuranskan melebihi RM1,500,000 di bawah satu atau lebih Polisi QBE PA Protector. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah diinsuranskan pada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan melebihi RM1,500,000 secara kolektif di bawah dua atau lebih Polisi QBE PA Protector, QBE akan menganggap Orang Yang Diinsuranskan telah diinsuranskan pada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan RM1,500,000. Syarikat akan membayar balik sebarang lebihan bayaran premium insurans yang telah dibuat oleh Pihak Diinsuranskan.

Untuk tujuan syarat enam (6) ini, Jumlah Prinsipal Diinsuranskan bermaksud amaun Jumlah Prinsipal Diinsuranskan tanpa mengambil kira Bonus Pembaharuan yang diperolehi, jika ada.

7. Penguatkuasaan Polisi Dengan Pembayaran Premium

Insurans ini tidak akan berkuatkuasa sehingga premium telah benar-benar dibayar dan diterima oleh Syarikat dan tiada pembayaran berkenaan dengan mana-mana premium akan dianggap telah dibayar kepada Syarikat melainkan resit bercetak yang ditandatangani oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa telah dikeluarkan untuknya.

8. Bukti Kerugian

Ia adalah syarat terdahulu kepada liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini, bahawa Pemegang Polisi hendaklah mengemukakan Sijil, maklumat dan/atau bukti yang diperlukan dengan sewajarnya oleh Syarikat dari semasa ke semasa kepada QBE atas perbelanjaannya sendiri dalam sebarang bentuk dan sifat yang dikehendaki oleh Syarikat. Syarikat hendaklah dibenarkan menjalankan pemeriksaan perubatan atas perbelanjaan sendiri terhadap Orang Yang Diinsuranskan dengan notis yang munasabah kepada Pemegang Polisi dari masa ke semasa, atau dibenarkan menjalankan pemeriksaan bedah siasat atas perbelanjaan sendiri dengan notis yang munasabah kepada wakil diri Orang Yang Diinsuranskan dalam kes kematian.

Kematian Orang Yang Diinsuranskan hendaklah ditentukan oleh sijil kematian rasmi, atau melalui perintah mahkamah yang mengandaikan kematiannya dalam kes kehilangan berikutan kemalangan atau kehilangan kapal atau pesawat udara.

9. Prosedur Pembaharuan

Sebelum memperbaharui polisi ini, Pemegang Polisi hendaklah memberi notis bertulis kepada Syarikat mengenai sebarang fakta penting yang mempengaruhi insurans ini setelah diberi notis kepada Pihak Diinsuranskan semasa Tempoh Insurans terdahulu termasuk notis apa-apa penyakit, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang mempengaruhi Orang Yang Diinsuranskan. Polisi ini tidak boleh diperbaharui dalam apa jua keadaan apabila Orang Yang Diinsuranskan dewasa mencapai umur tujuh puluh lima (75) tahun, dan untuk Anak-anak Orang Yang Diinsuranskan yang tidak berkahwin, yang bergantung kepada Orang Yang Diinsuranskan dari segi kewangan sehingga usia enam belas (16) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun bagi mereka yang berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di Institusi Pendidikan.

10. Bermastautin Di Luar Negara

Hanya Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal (Jumlah Prinsipal Diinsuranskan termasuk Bonus Pembaharuan) akan dibayar sekiranya Orang Yang Diinsuranskan bermastautin di luar Malaysia, Singapura dan Brunei lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut. Tiada pembayaran pampasan akan dibuat untuk lain-lain manfaat.

11. Fasal Had dan Pengecualian Sekatan

Syarikat tidak akan memberi perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut mendedahkan Syarikat atau mana-mana anggota kumpulan Syarikat kepada sebarang sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sekatan autonomi Australia, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan mana-mana negara.

NOTIS PENTING

(a) Tunai sebelum Perlindungan

Ia adalah satu syarat khusus yang penting dan mutlak Polisi ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka Polisi ini akan terbatal dan tidak sah secara automatik.

- (b) Pihak berikut boleh dihubungi untuk aduan mengenai perkara-perkara berkaitan insurans. Anda boleh menghubungi Unit Aduan kami untuk bantuan di 03-7861 8400 atau badan-badan berkuasa berikut:

**Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)
(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)**

Company No: 200401025885
Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
General Line: +603 2272 2811
Website: www.fmos.org.my

BNMLINK

Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1300 88 5465
Web: <https://bnmlink.bnm.gov.my>

BUTIRAN HUBUNGAN

QBE Insurance (Malaysia) Berhad

(Licensed under Financial Service Act 2013, regulated by Bank Negara Malaysia)
Registration No.: 198701002415(161086-D)
SST No.: B16-1808-31042744

No. 638, Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square,
No. 9, Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya,
Alamat Surat- menyurat : Peti Surat 10637, 50720 Kuala Lumpur.
Nombor Telefon: 03-7861 8400 Nombor Faks: 03-7873 7430
www.qbe.com.my Email: info.mal@qbe.com

Cawangan:

- Kuala Lumpur • Klang • Pulau Pinang • Petaling Jaya • Ipoh • Melaka
- Johor Bahru • Kuching • Kota Kinabalu • Sandakan